



ETIKA MENGHADIRI MAHKAMAH TERBUKA

Etika Menghadiri Mahkamah Terbuka

- 1) Berada di dalam bilik bicara sebelum pukul 9.00 pagi atau pada masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.
- 2) Bangun dan tunduk hormat apabila Hakim/Majistret masuk dan meninggalkan bilik bicara.
- 3) Tampil ke hadapan apabila nama anda dipanggil oleh Jurubahasa.
- 4) Berikan sepenuh perhatian anda kepada prosiding yang sedang berjalan.
- 5) Dilarang membuat bising semasa Mahkamah bersidang.
- 6) Tunduk hormat ketika hendak masuk dan keluar dari Mahkamah yang sedang bersidang.
- 7) Kanak-kanak tidak dibenarkan untuk dibawa ke dalam bilik bicara kecuali jika diarahkan oleh Mahkamah.
- 8) Sebarang jenis senjata adalah tidak dibenarkan.
- 9) Sebarang rakaman samada dalam bentuk audio atau visual adalah tidak dibenarkan.
- 10) Telefon bimbit, alat kelui dan lain-lain alat elektronik yang boleh menghasilkan bunyi hendaklah dimatikan.

Etika Berpakaian

- 1) Berpakaian sopan dan bersesuaian. Pakaian-pakaian seperti berikut adalah dilarang:
 - ✧ Seluar/skirt pendek
 - ✧ Baju/baju kemeja tanpa lengan
 - ✧ Jaket tidak formal seperti jaket kulit, jaket denim dan seumpamanya.
 - ✧ Pemakaian selipar, topi keledar, topi dan cermin mata hitam adalah juga tidak dibenarkan

Peranan dan Tanggungjawab Saksi Di Mahkamah

- 1) Seseorang yang telah diserahkan sapina sebagai saksi untuk sesuatu kes mestilah hadir ke Mahkamah bagi memberi keterangan. Kegagalan untuk hadir akan mengakibatkan waran tangkap dikeluarkan.
- 2) Saksi akan memberi keterangan secara lisan.
- 3) Gunakan bahasa yang muda dan ringkas. Jika khidmat Jurubahasa diperlukan, maklumkan kepada Mahkamah sebelum perbicaraan.
- 4) Dengar dengan teliti soalan-soalan yang dikemukakan dan jawab apa yang ditanya sahaja.
- 5) Saksi hendaklah mengangkat sumpah dan menjawab dengan jujur dan benar.
- 6) Sekiranya saksi tidak sempat menghabiskan keterangan, Mahkamah akan memberikan tarikh yang lain untuk membolehkan saksi menghabiskan keterangan.

Dokumen Yang DiPerlukan

Pengenalan Diri

- 1) Kad Pengenalan / Sijil Kelahiran bagi warganegara Malaysia.
- 2) Passport atau dokumen-dokumen yang berkaitan bagi bukan warganegara.

Anggota-anggota Kerajaan

Kad kuasa jabatan dan/atau dokumen yang berkaitan.

Wakil Syarikat

Surat perwakilan.

☀ *Sekiranya anda tidak dapat hadir ke Mahkamah atas apa jua alasan sila maklumkan kepada Mahkamah dengan kadar segera dan bertulis. Jika anda sakit, sila kemukakan Sijil Sakit kepada Mahkamah.*

PENAFIAN:

Maklumat yang dipaparkan ini bukan merupakan nasihat undang-undang dan hanya merupakan panduan sahaja. Jika anda memerlukan nasihat undang-undang, anda dinasihatkan merujuk kepada peguam.